



Rujukan kami : BPSM-100-10/4/2 Jld.3 (7)  
Tarikh : 30 September 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor  
Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Datuk Bandar/  
Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat  
Semua Setiausaha Bahagian/ Timbalan Pengarah/  
Ketua Penolong Setiausaha/  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH  
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA  
PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri pada 29 September 2021, Negeri Selangor akan beralih daripada Fasa 2 kepada Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2021.

3. Justeru, menerusi kenyataan media terdahulu oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 8 September 2021 yang lalu telah memaklumkan bahawa Pengoperasian Pejabat Kerajaan Mengikut Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara ialah **kehadiran tidak melebihi atau maksimum 80% bekerja di pejabat bagi keseluruhan dan 20% bekerja dari rumah secara penggiliran** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.

4. Sehubungan itu, kehadiran semua pegawai dan kakitangan jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mulai 1 Oktober 2021 perlu mengikut saranan YBhg. Tan Sri KPPA. Manakala perkhidmatan kaunter juga akan beroperasi pada kadar 80% dan kehadiran pelanggan dibenarkan tanpa temujanji. Mesyuarat boleh diadakan secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian dengan kapasiti kehadiran 50% bilik mesyuarat.

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH  
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA  
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 3**

---

5. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan dalam perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' NOR AZMIE DIRON)